

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (TENGAH)

TARIKH: 27 JULAI 2017

MUKA SURAT: 49

Klang

Kemudahan cas kenderaan elektrik percuma

Majlis Perbandaran Klang (MPK) melancarkan perkhidmatan kemudahan alat pengecas elektrik (EV Charger) secara percuma di tempat letak kereta Ahli Majlis di sini, semalam.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata EV Charger diberikan secara percuma oleh Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) kepada MPK.

“Ia bertujuan menggalakkan orang

ramai menggunakan kenderaan elektrik seperti yang diamalkan oleh negara luar.

“EV Charger juga sudah dipasang sejak 9 Mei lalu di tempat letak kereta ahli majlis dan ia akan menjadi tapak mengecas kereta,” katanya pada Perasmian EV Charger, di sini.

Yasid berkata, EV Charger boleh digunakan secara percuma oleh orang ramai dalam tempoh yang ditetapkan.

“Orang ramai boleh menggunakan

perkhidmatan ini secara percuma selama tiga bulan dari tarikh pemasangan.

“Perkhidmatan ini akan diteruskan sekiranya mendapat pertimbangan daripada MPK sendiri dengan kadar cas penuh seunit kereta dikenakan iaitu sebanyak RMI,” katanya.

Pada September tahun lalu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memperkenalkan EV Charger di empat lokasi terpilih di sekitar bandar raya itu.